

# Kepemimpinan PKR tidak lemah, berjalan macam biasa

**KUALA LUMPUR 26 Julai** -- Khabar angin bertiup kencang yang mengatakan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali meninggalkan PKR tidak akan sesekali melemahkan parti itu.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menjelaskan, setiap masalah yang melanda dianggap memberi kesan dan melemahkan parti sekiranya terdapat beberapa petunjuk yang dapat membuktikannya.

Katanya, petunjuk yang jelas ketika ini adalah permohonan untuk menjadi ahli PKR tidak menunjukkan penurunan dan kegiatan parti di setiap peringkat masih terus berjalan seperti biasa.

"Khabar angin keluar, perbalahan sana sini, parti lemah, mesti ada petunjuk yang per-

tama, permohonan untuk menjadi ahli parti mesti turun (contohnya) daripada 10,000 tinggal 500 sahaja memohon, itu indikator jelas ia fakta, apakah itu berlaku? Tidak.

"Kegiatan parti di semua peringkat terhenti atau tidak? Jawabannya tidak, saya terus memenuhi jadual saya dan kepemimpinan lain

juga macam biasa, kegiatan terus berjalan dan tidak terhenti, khabar angin kata ia melemahkan parti, ia tidak berlaku," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis perasmian pasar raya AJ Best di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini hari ini.



**SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**

Saifuddin Nasution mengulas khabar angin yang bertiup kencang bahawa Mohamed Azmin yang juga merupakan Timbalan Presiden PKR akan meninggalkan parti itu dan menyertai parti Gerakan dalam masa terdekat.

Semalam, *Utusan Online* memetik sumber mendakwa Menteri

Hal Ehwal Ekonomi itu dijangka meninggalkan PKR untuk menyertai Gerakan disebabkan pergeseran beliau dengan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim susulan tersebarnya video intim yang dikatakan melibatkan dirinya.

Mengulas lanjut, Saifuddin Nasution tidak menafikan terda-

pat permasalahan yang sedang melanda PKR, namun menolak dakwaan bahawa parti itu berada dalam keadaan lemah.

Sementara itu, Ketua Pengerangan PKR, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd. Akin yakin Mohamed Azmin tidak akan 'angkat kaki' dan menyertai parti lain.

Keyakinan itu, katanya, berdasarkan kepada pengalaman beliau yang pernah bersama-sama Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu sewaktu parti itu ditubuhkan pada tahun 1999 lalu.

Selain itu, katanya, Mohamed Azmin ketika ini mempunyai kedudukan penting bukan sahaja dalam parti sebagai timbalan presiden, malah sebagai menteri kanan di peringkat kerajaan Pusat.

Kegiatan parti di semua peringkat terhenti atau tidak? Jawabannya tidak, saya terus memenuhi jadual saya dan kepemimpinan lain juga macam biasa, kegiatan terus berjalan dan tidak terhenti, khabar angin kata ia melemahkan parti, ia tidak berlaku."

**SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**